

15 Jun 2010

Kanak-kanak Dieksploitasi untuk Buruh Murah di Seluruh Dunia

Oleh Merle David Kellerhals Jr

Penulis Staf



*Kanak-kanak di Kanpur, India, menguis-
nguis sampah-sarap di tempat
pembuangan untuk mencari apa sahaja
yang boleh dikitar semula untuk dijual.*

Washington - Eksploitasi kanak-kanak sebagai buruh di seluruh dunia dapat ditangani dengan menyediakan akses kepada pendidikan dan membasmi kemiskinan yang menyumbang kepada masalah buruh kanak-kanak, kata Presiden Obama.

“Kita semua perlu menanam keazaman untuk mencipta satu dunia di mana anak-anak kita mempunyai masa depan yang lebih cerah, bebas dari eksploitasi buruh,” kata Obama ketika meraikan Hari Menentang Buruh Kanak-Kanak Sedunia pada 12 Jun.

“Pentadbiran saya memperuntukkan \$60 juta tahun ini untuk menyokong usaha-usaha membanteras buruh kanak-kanak di seluruh dunia,” tambah beliau dalam satu kenyataan. Masalah ini bukan sesuatu yang asing, tetapi

penyelesaiannya memerlukan pendekatan menyeluruh kerajaan, kata Presiden Obama.

Walaupun banyak laporan menunjukkan jumlah buruh kanak-kanak terus menurun secara berperingkat di seluruh dunia, banyak lagi kerja perlu dilakukan sebelum kejayaan dapat dicapai, katanya.

Anggaran terbaru Pertubuhan Buruh Antarabangsa - yang terkandung dalam laporan [Mempercepatkan Tindakan Menentang Buruh Kanak-Kanak](#) (PDF, 4.24 MB) - menunjukkan masih terdapat 215 juta kanak-kanak yang terlibat dalam masalah ini. Jumlah buruh kanak-kanak telah turun daripada 222 juta atau 3 peratus, dari tahun 2004 hingga 2008.

ILO mengkategorikan buruh kanak-kanak sebagai pekerjaan yang tidak boleh diterima kerana kanak-kanak yang terlibat terlalu muda dan sepatutnya berada di sekolah. Malah jikapun mereka mencapai usia minimum untuk bekerja, kerja yang mereka lakukan tidak sesuai untuk orang yang berusia bawah 18 tahun. Menurut ILO, banyak kanak-kanak menjadi mangsa kepada bentuk terburuk buruh kanak-kanak, seperti buruh berikat, perhambaan atau amalan serupa perhambaan, pengeluaran dan

penyeludupan dadah, atau pekerjaan lain yang membahayakan kesihatan, keselamatan atau moral mereka.

ILO telah menetapkan sasaran penghapusan buruh kanak-kanak menjelang tahun 2016.

“Kemajuan dalam hal ini tidak sekata: ia tidak cukup cepat atau menyeluruh untuk mencapai matlamat yang telah kami tetapkan,” kata Ketua Pengarah ILO Juan Somavia. “Usaha-usaha baru dan berskala besar sangat diperlukan. Keadaan ini memerlukan kempen giat untuk menentang buruh kanak-kanak.”

“Kemerosotan ekonomi tidak boleh menjadi alasan untuk kurang berusaha dan tidak bertindak,” kata Somavia. “Sebaliknya kemerosotan ekonomi memberi peluang untuk melaksanakan langkah-langkah dasar yang memberi manfaat kepada masyarakat bagi pemulihan dan pembangunan yang mampan.”

ILO memberi amaran bahawa jika trend ini terus berlaku, sasaran tahun 2016 akan terlepas. “Berita baiknya adalah pola keseluruhan pengurangan buruh kanak-kanak masih dipertahankan: semakin bahaya pekerjaan itu dan semakin terdedah kanak-kanak yang terlibat, semakin cepat berlaku penurunan. Namun, apa yang mengejutkan adalah sejumlah 115 juta masih terdedah pada pekerjaan bahaya, satu petunjuk yang sering digunakan untuk bentuk terburuk buruh kanak-kanak,” kata ILO dalam laporannya.

STRATEGI BERKESAN

Jabatan Negara dan Buruh A.S. baru-baru ini mengadakan satu mesyuarat peringkat tinggi pegawai kerajaan dan wakil pertubuhan buruh, perniagaan dan hak asasi manusia untuk membina strategi berkesan memerangi eksploitasi buruh kanak-kanak.

“10 tahun lalu, kita menjadi salah satu negara pertama yang mengesahkan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai Bentuk-bentuk Terburuk Buruh Kanak-Kanak, dan kami masih komited untuk membasmi eksploitasi kanak-kanak - termasuk tentera kanak-kanak, perdagangan kanak-kanak dan pekerjaan yang membahayakan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak,” kata Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton dalam satu persidangan sehari mengenai buruh kanak-kanak di Jabatan Negara.

“Masalah buruh kanak-kanak mungkin sudah berakar-umbi, tetapi juga boleh diselesaikan,” katanya.

Maria Otero, setiausaha rendah bagi hal ehwal demokrasi dan global di Jabatan Negara A.S. memberitahu para peserta persidangan bahawa program dan dasar yang mempromosikan pembangunan ekonomi, akses pendidikan, dan tadbir urus yang berkesan memainkan peranan penting dalam membasmi buruh kanak-kanak.

“Jurang penting dalam penyelarasan masih wujud,” kata Otero. “Kita perlu berfikir secara inovatif tentang bagaimana kita dapat menguatkan jalinan antara program dan dasar dan memperluaskan

kerjasama dengan pelbagai pihak terbabit, termasuk para pekerja, majikan, kerajaan lain, penguatkuasaan undang-undang dan masyarakat awam.”

Laporan ILO memecahkan data buruh kanak-kanak kepada usia dan jantina, dan mencatatkan kemajuan terbesar yang dicapai dalam kategori kanak-kanak berusia 5 hingga 14 tahun, di mana jumlah buruh kanak-kanak turun 10 peratus. Jumlah kanak-kanak dalam pekerjaan berbahaya dalam usia ini turun 31 peratus. Laporan juga menyebut bahawa buruh kanak-kanak perempuan berkurangan sebanyak 15 juta, atau 15 peratus.

Namun, ia meningkat di kalangan kanak-kanak lelaki sebanyak 8 juta, atau 7 peratus, menurut laporan ILO. Selain itu, buruh di kalangan mereka yang berusia 15-17 tahun meningkat sebanyak 20 peratus, daripada 52 juta kepada 62 juta.

Laporan ini juga merangkumi data yang dikumpul berdasarkan kawasan. Ia menunjukkan jumlah buruh kanak-kanak terus berkurangan di Asia-Pasifik, Amerika Latin dan Caribbean, sementara sub-Sahara Afrika menyaksikan peningkatan.